

'Najib tak arahkan pindah AS\$1.03b kepada Good Star'

Pengurusan tertinggi 1MDB didakwa patuhi arahan Jho Low

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak tidak pernah mengarahkan pengurusan kanan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) untuk membuat pemindahan dana berjumlah AS\$1.03 bilion kepada sebuah syarikat yang dimiliki ahli perniagaan da-

BERITA HARIAN 26 APR 2024 m/s: 19

lam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low, Mahkamah Tinggi diberitahu.

Pada prosiding perbicaraan kes skandal kewangan 1MDB itu, Pegawai Penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Penguasa Kanan Nur Aida Arifin, bersetuju dengan cadangan peguam bela Wan Azwan Aiman Wan Fakhruddin bahawa Najib tidak mengarahkan pindahan itu kepada akaun Good Star Limited milik Jho Low.


Soalan dikemukakan Wan Azwan Aiman adalah berdasarkan kepada dokumen membabitkan transaksi yang dilakukan di antara 2009 dan 2011.

Saksi pendakwaan ke-49 itu juga bersetuju dengan cadangan

peguam, bahawa bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halimi; bekas Ketua Pegawai Operasi, Radhi Mohamad; bekas Pengarah Kewangan, Terrence Geh Choh Heng; dan bekas Pengarah Eksekutif 1MDB, Casey Tang Keng Chee adalah individu yang membenarkan wang itu dipindahkan ke akaun Good Star.

Dalam keterangannya sebelum ini, Nur Aida mengesahkan dana berkenaan dipindahkan ke dalam akaun Good Star, yang mana berdasarkan kepada kes pendakwaan, ia bukan anak syarikat Petrosaudi International (PSI) dari Arab Saudi yang menjalankan usaha sama dengan 1MDB.

Menurut kes pendakwaan,



Najib hadir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Genes Gulitah/BH)

pada September 2009, sebahagian dana berjumlah AS\$700 iaitu daripada usaha sama itu dipindahkan kepada Good Star dan AS\$330 juta lagi dipindahkan kepada syarikat luar pesisir pada Mei 2011.

Bayangan Najib

Pihak pendakwaan juga menyatakan bahawa pengurusan tertinggi 1MDB mematuhi arahan daripada Low, yang juga adalah 'alter ego' sebenarnya dan ba-

nyangan Najib.

Nur Aida memberikan keterangan terhadap Najib, 70, yang berdepan empat pertuduhan iaitu menggunakan kedudukan beliau untuk memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion dana 1MDB dan 21 pertuduhan penguasaan wang haram membabitkan jumlah yang sama.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung hari ini.